

Cagamas terbit sukuk, bon bernilai RM410j

KUALA LUMPUR - Cagamas Bhd. (Cagamas) telah menerbitkan agregat sukuk dan bon bertempoh setahun bernilai RM410 juta yang merangkumi Nota Bertempoh Sederhana Konvensional (CMTN) RM180 juta dan Nota Bertempoh Sederhana Islam (IMTN) RM230 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong (**gambar**) berkata, hasil daripada terbitan berkenaan akan digunakan untuk membiayai pembelian gadai janji dan pembiayaan perumahan Islam daripada sistem kewangan negara.



"Kami gembira melihat penglibatan berterusan pelabur asing dalam penerbitan ini, sekali gus menunjukkan keyakinan dan penerimaan mereka terhadap terbitan dalam denominasi ringgit dan kertas-kertas Cagamas.

"Selain itu, kami juga teruja dengan usaha proaktif syarikat untuk berhubung dengan pelabur asing dan meneruskan inisiatif untuk mempromosikan kertas-kertas Cagamas di pasaran dagangan kedua," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Chee Leong menjelaskan, langkah Bank Negara Malaysia untuk mempertingkatkan kecairan dan aktiviti dagangan dalam kedua-dua pertukaran mata wang asing dan pasaran bon telah menaikkan minat dalam kalangan pelabur; di samping itu, ia dapat memperkukuhkan infrastruktur pasaran kewangan.

"Maklum balas memberangsangkan yang diterima daripada pelabur telah membolehkan kami mendapatkan harga yang amat kompetitif dengan langganan diterima daripada pelbagai segmen pasaran termasuk pelabur asing," katanya.